

**PERADUAN BELI & MENANG LACTEL
TERMA & SYARAT**

A: Jadual Syarat Penyertaan

Penganjur	Lactalis Trading Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 201801033515 (1295542-V)) ("Penganjur") 25, Jalan Tandang, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan																		
Peraduan	Peraduan Beli & Menang Lactel ("Peraduan")																		
Tempoh Peraduan	<p>Sebanyak Lapan (8) Peraduan mingguan akan dianjurkan oleh Penganjur dalam tempoh bermula dari 1 Mac 2024 pada 00:00:00 hingga 30 April 2024 pada 23:59:59 (setiap jangka masa yang dinyatakan dalam jadual di bawah hendaklah dirujuk secara individu sebagai "Minggu Peraduan" dan secara kolektif "Tempoh Peraduan"). Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum Tempoh Peraduan, dan kegagalan (atas apa jua sebab yang timbul) yang akan menyebabkan penyertaan tidak diterima, dilayan atau dianggap bukan sebahagian daripada Peraduan, dan akan dibatal secara automatik.</p> <table border="1" data-bbox="440 994 1398 1364"> <thead> <tr> <th data-bbox="440 994 560 1032">Minggu</th> <th data-bbox="568 994 1398 1032">Tempoh Peraduan Mingguan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="440 1039 560 1077">1</td> <td data-bbox="568 1039 1398 1077">1 Mac 2024, 00:00:00 – 7 Mac 2024, 23:59:59</td> </tr> <tr> <td data-bbox="440 1084 560 1122">2</td> <td data-bbox="568 1084 1398 1122">8 Mac 2024, 00:00:00 – 14 Mac 2024, 23:59:59</td> </tr> <tr> <td data-bbox="440 1128 560 1167">3</td> <td data-bbox="568 1128 1398 1167">15 Mac 2024, 00:00:00 – 21 Mac 2024, 23:59:59</td> </tr> <tr> <td data-bbox="440 1173 560 1211">4</td> <td data-bbox="568 1173 1398 1211">22 Mac 2024, 00:00:00 – 28 Mac 2024, 23:59:59</td> </tr> <tr> <td data-bbox="440 1218 560 1256">5</td> <td data-bbox="568 1218 1398 1256">29 Mac 2024, 00:00:00 – 4 April 2024, 23:59:59</td> </tr> <tr> <td data-bbox="440 1263 560 1301">6</td> <td data-bbox="568 1263 1398 1301">5 April 2024, 00:00:00 – 11 April 2024, 23:59:59</td> </tr> <tr> <td data-bbox="440 1308 560 1346">7</td> <td data-bbox="568 1308 1398 1346">12 April 2024, 00:00:00 – 18 April 2024, 23:59:59</td> </tr> <tr> <td data-bbox="440 1352 560 1391">8</td> <td data-bbox="568 1352 1398 1391">19 April 2024, 00:00:00 – 30 April 2024, 23:59:59</td> </tr> </tbody> </table>	Minggu	Tempoh Peraduan Mingguan	1	1 Mac 2024, 00:00:00 – 7 Mac 2024, 23:59:59	2	8 Mac 2024, 00:00:00 – 14 Mac 2024, 23:59:59	3	15 Mac 2024, 00:00:00 – 21 Mac 2024, 23:59:59	4	22 Mac 2024, 00:00:00 – 28 Mac 2024, 23:59:59	5	29 Mac 2024, 00:00:00 – 4 April 2024, 23:59:59	6	5 April 2024, 00:00:00 – 11 April 2024, 23:59:59	7	12 April 2024, 00:00:00 – 18 April 2024, 23:59:59	8	19 April 2024, 00:00:00 – 30 April 2024, 23:59:59
Minggu	Tempoh Peraduan Mingguan																		
1	1 Mac 2024, 00:00:00 – 7 Mac 2024, 23:59:59																		
2	8 Mac 2024, 00:00:00 – 14 Mac 2024, 23:59:59																		
3	15 Mac 2024, 00:00:00 – 21 Mac 2024, 23:59:59																		
4	22 Mac 2024, 00:00:00 – 28 Mac 2024, 23:59:59																		
5	29 Mac 2024, 00:00:00 – 4 April 2024, 23:59:59																		
6	5 April 2024, 00:00:00 – 11 April 2024, 23:59:59																		
7	12 April 2024, 00:00:00 – 18 April 2024, 23:59:59																		
8	19 April 2024, 00:00:00 – 30 April 2024, 23:59:59																		
Kelayakan	<p>Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap di Malaysia yang berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas dan memiliki pengenalan sah (Kad Pengenalan Malaysia ("MyKad") atau MyPR) pada permulaan Tempoh Peraduan (setiap seorang "Peserta" dan secara kolektif, "Peserta-Peserta"). Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti pengesahan identiti Peserta.</p> <p>Golongan berikut tidak berkelayakan untuk menyertai Peraduan ini:</p> <p>(a) Kakitangan Penganjur, syarikat-syarikat sekutunya dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka masing-masing); dan</p> <p>b) Kakitangan bagi ejen-ejen atau kontraktor-kontraktor Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka masing-masing).</p>																		

Produk Terlibat:

Produk Lactel yang terlibat dalam Peraduan ini adalah yang berikut (“**Produk Terlibat**”):

No.	Produk Terlibat	Saiz
1	LACTEL Bliss Yogurt Drink Strawberry	200g
2	LACTEL Bliss Yogurt Drink Mango	200g
3	LACTEL Bliss Yogurt Drink Mixed Berries	200g
4	LACTEL Bliss Yogurt Drink Tropical Fruits & Mixed Fruits	200g
5	LACTEL Bliss Yogurt Drink Strawberry	700g
6	LACTEL Bliss Yogurt Drink Mango	700g
7	LACTEL Bliss Yogurt Drink Mixed Berries	700g
8	LACTEL Bliss Yogurt Drink Tropical Fruits & Mixed Fruits	700g
9	LACTEL Bliss Yogurt Drink Apple & Kiwi	700g
10	LACTEL Bliss Plus Yogurt Drink Apple, Cranberry & Pomegranate	700g
11	LACTEL Bliss Plus Yogurt Drink Apple, Passionfruit & Lemon	700g
12	LACTEL Temptation Yogurt Drink Natural	180g
13	LACTEL Temptation Yogurt Drink Strawberry	180g
14	LACTEL Temptation Yogurt Drink Passion Fruit	180g
15	LACTEL Temptation Yogurt Drink Natural	700g
16	LACTEL Temptation Yogurt Drink Strawberry	700g
17	LACTEL Temptation Yogurt Drink Passion Fruit	700g
18	LACTEL Easy (Strawberry)	700g
19	LACTEL Easy (Passion Fruit)	700g
20	LACTEL Easy (Tropical & Mixed Fruits)	700g
21	LACTEL Fat Free Yogurt Strawberry	130g
22	LACTEL Fat Free Yogurt Mixed Berry	130g
23	LACTEL Fat Free Yogurt Mango	130g
24	LACTEL Fat Free Yogurt Natural	130g
25	LACTEL Fat Free Yogurt Guava	130g
26	LACTEL Fat Free Yogurt Lychee	130g
27	LACTEL Fat Free Yogurt Mango	470g
28	LACTEL Fat Free Yogurt Strawberry	470g
29	LACTEL Fat Free Mixed Berry	470g
30	LACTEL Greek Style Yogurt Natural	130g
31	LACTEL Greek Style Yogurt Strawberry	130g
32	LACTEL Greek Style Yogurt Honey & Yuzu	130g
33	LACTEL Greek Style Yogurt Mulberry & Blackberry	130g
34	LACTEL Greek Style Yogurt Peach	130g
35	LACTEL Greek Style Yogurt Natural	470g
36	LACTEL Greek Style Yogurt Strawberry	470g
37	LACTEL Greek Style Yogurt Honey & Yuzu	470g
38	LACTEL Greek Style Yogurt Mulberry & Blackberry	470g
39	LACTEL Greek Style Yogurt Peach	470g
40	LACTEL Set Yogurt (Natural)	470g
41	LACTEL Set Yogurt (Vanilla)	470g
42	LACTEL Set Yogurt (Strawberry)	470g
43	LACTEL Natural Set Yogurt	1,000g
44	LACTEL Kids Yogurt Grape	100g

	<table border="1"> <tbody> <tr> <td>45</td> <td>LACTEL Kids Yogurt Strawberry</td> <td>100g</td> </tr> <tr> <td>46</td> <td>LACTEL Kids Yogurt Vanilla</td> <td>100g</td> </tr> <tr> <td>47</td> <td>LACTEL Kids Yogurt Multipack</td> <td>400g</td> </tr> <tr> <td>48</td> <td>LACTEL Smooth Yogurt Strawberry</td> <td>130g</td> </tr> <tr> <td>49</td> <td>LACTEL Smooth Yogurt Mixed Berries</td> <td>130g</td> </tr> <tr> <td>50</td> <td>LACTEL Smooth Yogurt Natural</td> <td>130g</td> </tr> <tr> <td>51</td> <td>LACTEL Snack Yogurt Chocolate & Hazelnut</td> <td>130g</td> </tr> <tr> <td>52</td> <td>LACTEL Snack Yogurt Pecan Gula Melaka</td> <td>130g</td> </tr> </tbody> </table>	45	LACTEL Kids Yogurt Strawberry	100g	46	LACTEL Kids Yogurt Vanilla	100g	47	LACTEL Kids Yogurt Multipack	400g	48	LACTEL Smooth Yogurt Strawberry	130g	49	LACTEL Smooth Yogurt Mixed Berries	130g	50	LACTEL Smooth Yogurt Natural	130g	51	LACTEL Snack Yogurt Chocolate & Hazelnut	130g	52	LACTEL Snack Yogurt Pecan Gula Melaka	130g
45	LACTEL Kids Yogurt Strawberry	100g																							
46	LACTEL Kids Yogurt Vanilla	100g																							
47	LACTEL Kids Yogurt Multipack	400g																							
48	LACTEL Smooth Yogurt Strawberry	130g																							
49	LACTEL Smooth Yogurt Mixed Berries	130g																							
50	LACTEL Smooth Yogurt Natural	130g																							
51	LACTEL Snack Yogurt Chocolate & Hazelnut	130g																							
52	LACTEL Snack Yogurt Pecan Gula Melaka	130g																							
Kaedah Penyertaan	<p>Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta mestilah melaksanakan dua (2) langkah mudah seperti berikut:</p> <p>Langkah 1 - BELI</p> <p>Peserta-Peserta mesti membelanjakan sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15.00) bagi pembelian mana-mana Produk Terlibat dari mana-mana saiz pek dalam <u>satu resit bercetak</u> atau <u>resit atas talian</u> dari mana-mana kedai di Malaysia semasa Tempoh Peraduan Kedai</p> <p>Langkah 2 – HANTAR</p> <p>Peserta-Peserta perlu mengirimitkan Bukti Pembelian melalui aplikasi WhatsApp sepanjang Tempoh Peraduan ke (011) 6307 1288 mengikut format ("Format") berikut:</p> <p>Nama penuh Peserta mengikut MyKad/MyPR <jarak> nombor MyKad/MyPR</p> <p>Tangkap gambar resit asal dan pastikan gambar resit mengandungi maklumat lengkap iaitu Produk Terlibat, nombor resit, harga, nama Kedai, dan tarikh pembelian. Sila pastikan gambar Bukti Pembelian dapat dilihat dengan jelas dan tidak kabur ("Bukti Pembelian").</p> <p>NOTA: Peserta dikehendaki menyimpan resit pembelian sehingga tamat Tempoh Peraduan</p> <p>Segala Bukti Pembelian yang tidak dikirim selaras dengan Format akan tidak diterima, tidak dilayan dan akan dihilang kelayakan.</p>																								
Tarikh Akhir Penyertaan	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 30 April 2024. Sebarang Penyertaan Peraduan di luar Tempoh Peraduan (atas apa jua sebab yang timbul) tidak akan diterima dan tidak akan dilayan dan akan dihilang kelayakan.																								
Syarat-Syarat Penyertaan & Kriteria dan Proses Pemilihan Penyertaan	<p>Syarat-syarat Penyertaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gambar Bukti Pembelian yang dihantar mestilah ditunjukkan dengan jelas; • Tarikh resit dan Penyertaan mestilah berada dalam semasa Tempoh Peraduan; • Peserta mesti membeli sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15.00) Produk Terlibat dalam satu resit dari mana-mana Kedai di Malaysia; • Setiap Bukti Pembelian hanya dibenarkan untuk digunakan sekali sahaja; 																								

- Sebarang penggunaan Bukti Pembelian yang sama untuk penyertaan seterusnya adalah tidak dibenarkan;
- Sebarang pengubahan atau penggubahan resit (sama ada ke atas nama Kedai, produk yang dibeli, harga dan tarikh pembelian atau selainnya) tidak akan diterima;
- Resit tulisan tangan, pesanan pembelian dan nota penghantaran tidak akan diterima dan akan hilang kelayakan; dan
- Resit E-Dagang (atas talian) dibenarkan. Resit E-Dagang mesti mengandungi nombor resit, tarikh, nama dan/ atau logo Kedai.

Penerimaan Entri

Setiap kiriman yang berserta Bukti Pembelian yang sah akan dikira sebagai kiriman yang layak dan akan diberikan satu (1) nombor bersiri. Setiap nombor bersiri akan dikira sebagai satu (1) entri (“**Entri**”) yang layak.

a. Pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan

Untuk proses pemilihan Pemenang Mingguan, Penganjur akan menjadualkan jumlah bilangan Penyertaan yang layak diterima dalam setiap Minggu Peraduan.

Sebagai contoh, jika jumlah Penyertaan untuk Minggu Peraduan 1 ialah 225.

Penganjur akan memilih pemenang berdasarkan sembilan puluh (90) penyertaan terdahulu yang sah.

Jumlah Hadiah Mingguan setiap minggu: Sembilan puluh (90) pemenang seperti berikut:

- Entri Pertama (1) hingga Entri ke-sepuluh (10) yang sah akan menang La Gourmet Vintage Bekas Makanan
- Entri Ke-sebelas (11) hingga Entri ke sembilan puluh (90) yang sah akan menang eWallet Touch ‘n Go/ Boost/eBaucar S Pay Global yang bernilai Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00)

Contohnya: 90 Entri terdahulu yang sah akan dipilih berdasarkan masa & tarikh penyerahan untuk Minggu Peraduan 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 & 8.

b. Pemilihan Sepuluh (10) Pemenang Hadiah Utama

Untuk proses pemilihan pemenang Hadiah Grand, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga, Penganjur akan menjadualkan semua penyertaan yang layak berdasarkan pengiraan di bawah:

Sebagai contoh: Jumlah bilangan Penyertaan yang layak diterima dalam Tempoh Peraduan ialah 5,290.

Jumlah sepuluh (10) pemenang Hadiah Utama Peraduan yang dipilih akan berdasarkan jumlah perbelanjaan (pembelian terkumpul) Produk Terlibat yang mengambil bahagian semasa Tempoh Peraduan.

	<p>Hadiah Grand x 1 Pemenang Pembelanja paling tinggi (pembelian terkumpul) Produk Terlibat semasa Tempoh Peraduan: akan dipilih untuk memenangi Hadiah Grand: Kereta Perodua Bezza 1.3X (Auto)</p> <p>Hadiah Kedua x 3 Pemenang Pembelanja tertinggi ke-dua (2) hingga ke-empat (4) (pembelian terkumpul) dalam Tempoh Peraduan akan dipilih untuk memenangi Hadiah Kedua : Televisyen Sharp 42 inci.</p> <p>Hadiah Ketiga x 6 Pemenang Pembelanja terbesar ke-lima (5) hingga ke-sepuluh (10) (pembelian terkumpul) dalam Tempoh Peraduan akan dipilih untuk memenangi Hadiah Ketiga : Penyedut habuk Dyson V8 Slim Fluffy.</p> <p><u>Pengumuman Penyertaan Yang Layak</u> Peserta yang layak akan dimaklumkan melalui WhatsApp (“Pemberitahuan”) melalui nombor telefon yang diterima oleh Penganjur daripada Penyertaan dan/atau diumumkan melalui laman web: https://www.lactel.com.my/events (“Pengumuman”).</p> <p><u>Pemenang Tersingkir</u> Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari daripada Pemberitahuan atau Pengumuman, yang mana adalah lebih awal (“Pemenang Tersingkir”). Dalam keadaan sedemikian, Penyerahan dengan nombor bersiri serta-merta selepas nombor siri Pemenang Tersingkir akan secara automatik menjadi pemenang. Sebagai contoh, dalam kes Hadiah Mingguan, Penyerahan dengan nombor bersiri 120 akan menjadi pemenang jika Penyerahan dengan nombor bersiri 119 tidak dapat dihubungi.</p>
Hadiah Peraduan	<p>Jumlah Hadiah Peraduan:</p> <p>1. Sepuluh (10) Hadiah Utama:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) x Hadiah Grand: Perodua Bezza 1.3X (Auto). • Tiga (3) x Hadiah Kedua: Sharp TV 42 inci • Enam (6) x Hadiah Ketiga: Dyson V8 Slim Fluffy <p>2. Seribu empat puluh (1,040) Hadiah Mingguan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lapan puluh (80) Hadiah Mingguan La Gourmet Vintage Bekas Makanan dan • Sembilan ratus enam puluh (960) Hadiah Mingguan eWallet Touch ‘n Go/ Boost/eBaucar S Pay Global yang bernilai Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00) <p>Untuk mengelakkan keraguan, pemenang Hadiah Utama tidak dibenarkan untuk menukarkan Hadiah Utama kepada wang tunai dan/atau Touch ‘n Go/ Boost/eBaucar S Pay Global. Selanjutnya, pemenang Hadiah Mingguan tidak dibenarkan untuk menukarkan Hadiah Mingguan kepada wang tunai.</p> <p>Tanpa mengira jumlah penyertaan yang dihantar, setiap Peserta hanya layak untuk menang maksimum satu (1) Hadiah Utama dan maksimum lapan (8) Hadiah Mingguan sepanjang tempoh Promosi Peraduan.</p>
Penggunaan Hadiah Mingguan	Syarat Kegunaan Kredit Touch’ n Go eWallet untuk penduduk Semenanjung Malaysia:

<p>Penggunaan Kredit eWallet Touch ‘n Go</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit Touch ‘n Go eWallet akan dikreditkan ke dalam akaun Touch ‘n Go eWallet peserta yang layak dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja. • Kredit Touch ‘n Go eWallet HANYA boleh digunakan untuk membuat pembayaran melalui Touch ‘n Go eWallet. • Sebarang kredit Touch ‘n Go eWallet yang tidak dituntut akan dilucutkan dan tidak akan dikembalikan. • Semua kredit Touch ‘n Go eWallet tidak boleh dipindah milik atau ditukar ke wang tunai. • Penggunaan kredit eWallet akan tertakluk pada Terma dan Syarat Touch ‘n Go eWallet – sila rujuk: https://bit.ly/TnGoTnC-Syarat untuk terma dan syarat tersebut.
<p>Penggunaan Hadiah Mingguan Penggunaan Kredit eWallet Boost/ eBaucar S Pay Global</p>	<p>Syarat Kegunaan Kredit eWallet Boost / eBaucar S Pay Global untuk penduduk Malaysia Timur:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kredit eWallet Boost akan dikreditkan ke dalam akaun Boost eWallet/ eBaucar kod SPay Global akan dihantar kepada peserta yang layak dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja. • Kredit eWallet Boost/ eBaucar S Pay Global HANYA boleh digunakan untuk membuat pembayaran melalui akaun eWallet Boost/ akaun S Pay Global. • Sebarang kredit eWallet Boost/ eBaucar S Pay Global yang tidak dituntut akan dilucutkan dan tidak akan dikembalikan. • Semua kredit eWallet Boost/ eBaucar S Pay Global tidak boleh dipindah milik atau ditukar ke wang tunai. • Penggunaan kredit eWallet/ eBaucar akan tertakluk pada Terma dan Syarat Kredit eWallet Boost & S Pay Global masing-masing: <p>Boost – sila rujuk: https://myboost.co/personal/general-terms-condition untuk terma dan syarat tersebut.</p> <p>S Pay Global – sila rujuk: https://spayglobal.my/page-0-31-22-Terms-and-Conditions-of-Services.html untuk terma dan syarat tersebut.</p>
<p>Tarikh Tuntutan/Serahan Hadiah Peraduan</p>	<p>Semua Hadiah Peraduan perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari daripada Pemberitahuan atau Pengumuman, yang mana adalah lebih awal, dengan cara menjawab kepada Pemberitahuan Penganjur dan/atau secara bertulis kepada Penganjur (“Tuntutan Hadiah”).</p> <p>Semua Hadiah Peraduan akan diproses untuk penghantaran selepas empat (4) minggu atau mana- mana tempoh munasabah lain yang akan ditentukan semata-mata oleh Penganjur dari hari terakhir Tempoh Peraduan. Sekiranya mana-mana pemenang tidak menerima penghantaran hadiah atas apa-apa sebab dalam tempoh yang munasabah dari tarikh Tuntutan Hadiah, Hadiah Peraduan tersebut mestilah dituntut oleh pemenang tersebut dengan menghantar tuntutan bertulis kepada Penganjur dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Tuntutan Hadiah. Sekiranya pemenang gagal untuk membuat tuntutan mengikut ketetapan ini, Penganjur berhak untuk membatalkan atau membuat apa-apa sahaja urusan ke atas hadiah tersebut mengikut apa yang difikirkan wajar oleh Penganjur.</p>

Jadual Syarat Penyertaan ini harus dibaca bersama dengan Syarat-Syarat Penyertaan yang disertakan di dalam dokumen ini, notis privasi dalam dokumen ini dan dasar Privasi yang boleh didapati di laman web <https://www.lactel.com.my/privacy-policy/> (secara keseluruhannya “**Terma dan Syarat**”) dan akan

terpakai kepada semua peserta yang menyertai Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai “**Peserta-peserta**”, “**Peserta**”). Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca dan bersetuju terhadap Terma dan Syarat dan pemprosesan data peribadinya seperti yang dinyatakan didalam kedua-dua, notis privasi kami Dasar Privasi di laman tersebut.

B: Syarat-Syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”, dan terpakai serta terikat kepada semua Peserta (dan di mana terpakai dan terikat termasuklah ibu bapa/penjaga bagi Peserta yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke bawah). Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma Syarat-Syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam Terma dan Syarat hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat ketidakpastian, dan perbezaan, Penganjur berhak untuk memberi keputusan, menjeleaskan, menegaskan dan/atau menentukan takrifan yang paling tepat terhadap ketidakpastian dan perbezaan tersebut.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicaranya, tanpa memberi apa-apa notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap mana-mana pihak sekalipun, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah Peraduan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan ini menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh setiap Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan borang penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, khidmat pesanan ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah suatu bukti penerimaan, dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau

penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau akibat masalah akaun teknikal Peserta atau kesesakan trafik internet.

3. Kelayakan

3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

3.2 Penganjur boleh menghendaki Peserta untuk menyediakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan diri, dan persetujuan bertulis daripada ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun (sekiranya terpakai).

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak berkelayakan untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat sekutunya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami/ isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami/ isteri kepada adik-beradik mereka masing-masing); dan
- (b) Kakitangan ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri kepada adik-beradik mereka masing-masing).

5. Perwakilan dan Waranti

Peserta-Peserta memberi waranti dan jaminan kepada Penganjur bahawa:-

- (a) dia telah memenuhi semua kriteria kelayakan untuk menyertai Peraduan;
- (b) dia akan mengemukakan bukti apabila diminta oleh Penganjur termasuk untuk (tetapi tidak terhad kepada) tujuan pengesahan identiti untuk Peraduan; dan
- (c) semua kenyataan (tersedia atau diperlukan) yang dikemukakan oleh Peserta kepada Penganjur adalah benar, betul, tepat dan lengkap untuk tujuan Peraduan.

6. Perlucutan Kelayakan

6.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, borang diterima dalam Salinan pendua dan/atau dalam bentuk salinan, penyertaan yang tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan.

6.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan rasuah, pemalsuan, atau penipuan,; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini bagi tujuan pengesahan Penganjur apabila diminta.

6.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut semula pemulangan hadiah atau bayaran yang sama nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

7. Hadiah Peraduan

7.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah Peraduan mengikut ketetapan tuntutan hadiah/tarikh penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan sebarang pengurusan hadiah bagi hadiah yang tidak dituntut.

7.2 Sekiranya kerajaan Malaysia mengeluarkan sekatan ke atas perjalanan rentas negeri atau mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sekatan, atau sekiranya berlaku wabak Covid-19 atau SARS atau apa-apa jenis lain wabak atau penyakit di Malaysia yang mungkin secara langsung/ tidak langsung menjejaskan Peraduan ini atau dalam peristiwa meletusnya perang, permusuhan, pemberontakan, keganasan, kekecohan awam, rusuhan, mogok, sekat masuk atau apa-apa keadaan lain di luar kawalan munasabah Penganjur.

7.3 Sekiranya mana-mana Hadiah Peraduan tidak tersedia-ada, Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah Peraduan dengan hadiah lain yang bernilai setara.

7.4 Pemenang Mingguan, mesti mempunyai akaun Touch 'n Go/ Boost eWallet atau akaun S Pay Global masing-masing yang sedia ada. Penganjur hanya akan mengkreditkan ke akaun Touch 'n Go/ Boost dan eBaucar S Pay Global yang disediakan oleh Pemenang yang layak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang ditanggung akibat maklumat yang tidak tepat yang diberikan oleh Pemenang.

7.5 Hadiah Peraduansama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

7.6 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah Peraduan hendaklah ditanggung semata-mata oleh Pemenang.

7.7 Semua Hadiah Peraduan mesti dipungut mengikut dan mungkin tertakluk kepada Terma dan Syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah Peraduan, dan

Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kelewatan atau kegagalan pihak ketiga dalam penyediaan Hadiah Peraduan kepada pemenang.

- 7.8 Hadiah Peraduan adalah diberikan berdasarkan kepada “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah Peraduan hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko penuh Peserta dan Penganjur sama sekali tidak menjamin ataupun memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 7.9 Hadiah Peraduan hendaklah dituntut oleh Peserta sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 7.10 Peserta berumur di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Peraduan, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah Peraduan, jika ada.

8. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan (dan Peserta dianggap telah bersetuju) penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada video, gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di Malaysia mahupun di seluruh dunia tanpa sebarang pampasan, dan di mana-mana platform media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

9. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau Bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai Bahan atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas Bahan atau hasil kerja tersebut.

10. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya (“**Kumpulan Penganjur**”) sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016, pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau hubungannya dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

11. Had Liabiliti

- 11.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

11.2 Penganjur, Kumpulan Penganjur, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan (*consequential*), atau untuk kecederaan peribadi atau kematian yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga Peraduan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah Peraduan yang dimenangi.

12. Syarat Am

12.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana kegagalan mereka untuk berbuat demikian adalah disebabkan oleh keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

12.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang Bahan (termasuk bahan pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada Kumpulan Penganjur.

12.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah atau memindah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di dalam Terma dan Syarat. Penganjur, dengan budi bicaranya yang tunggal dan mutlak, berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

12.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.

12.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan dalam apa pun bahasa yang lain, jikalau terdapat sebarang percanggahan antara Bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan dalam semua aspek.

12.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

13. Notis Privasi

13.1 Untuk memastikan pematuhan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan maklumat peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") (boleh dipinda dari semasa ke semasa), maklumat Peserta berkenaan dengan data peribadi yang diserahkan kepada Penganjur akan dikumpulkan, disimpan, diselenggara, diproses, digunakan atau dikendalikan semata-mata untuk Peraduan dan

transaksi di bawahnya dan akan mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi yang terpakai dan/atau PDPA dan Peserta-Peserta dianggap telah bersetuju.

13.2

Dengan menyertai mana-mana Peraduan kami, Peserta-Peserta telah bersetuju untuk Penganjur dan mana-mana syarikat Kumpulan Penganjur dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("**Pihak Lantikan Ketiga**") (secara kolektif "**Penganjur**" atau "**kami**") memproses maklumat peribadi Peserta-Peserta yang dikemukakan dalam borang penyertaan/atas talian bagi tujuan mana-mana Peraduan kami. Ini termasuk mendedahkan nama Peserta-Peserta kepada masyarakat umum apabila Peserta-Peserta menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi Peserta-Peserta tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

13.3

Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi Peserta-Peserta bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Peraduan mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Peraduan, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Peserta-Peserta harus menyatakan pilihan Peserta-Peserta dalam penyerahan Peserta-Peserta sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi Peserta-Peserta bagi tujuan Klausula 13.3 ini, di mana kegagalan Peserta-Peserta untuk menyatakan pilihan dianggap sebagai persetujuan oleh Peserta-Peserta untuk penggunaan maklumat peribadi oleh Penganjur.

13.4

Sekiranya Peserta-Peserta bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat menjadikan sebagai rujukan kepada Penganjur, Peserta-Peserta mengakui bahawa Peserta-Peserta telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

13.5

Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan notis privasi ini.

13.6

Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak Lantikan Ketiga untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak Lantikan Ketiga adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan dalam mana-mana polisi atau notis privasi yang terpakai.

13.7

Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dikongsi merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data Peserta-Peserta hanya akan dikongsi ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam mana-mana polisi atau notis privasi yang terpakai.

13.8 Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai, Peserta-Peserta mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi Peserta-Peserta yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

(a) Melalui media sosial:

Facebook: <https://www.facebook.com/LactelMalaysia/>

Instagram: <https://www.instagram.com/lactelmy/>; atau

(b) Mengikuti dalam talian:

Laman Web: <https://lactel.com.my/contact-us/> atau

(c) Melalui panggilan telefon: 1-800-88-6288

13.9 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam tujuan Peraduan kami dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan Peserta-Peserta.

13.10 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada polisi privasi kami di <https://www.lactel.com.my/privacy-policy/>. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda notis privasi ini atau polisi privasi kami dari semasa ke semasa.

13.11 Kami mungkin memerlukan anda mengemukakan maklumat peribadi sensitif (seperti data yang berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental Peserta-Peserta sekiranya Peserta-Peserta menyertai mana-mana Peraduan kami. Kami hanya akan menggunakan maklumat peribadi sensitif Peserta-Peserta bagi tujuan Peraduan-Peraduan kami yang tertentu dan untuk menasihati anda mengenai produk yang sesuai untuk memenuhi tahap kesihatan semasa dan gaya hidup Peserta-Peserta.

Peserta-Peserta mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan maklumat peribadi sensitif anda atau membatalkan kebenaran anda kepada kami untuk memproses maklumat peribadi sensitif Peserta-Peserta. Walaupun demikian, kegagalan untuk mengemukakan maklumat peribadi sensitif ini atau pembatalan kebenaran Peserta-Peserta untuk memproses maklumat peribadi sensitif Peserta-Peserta yang dikemukakan, akan mungkin mengakibatkan kami tidak dapat memproses penyertaan Peserta-Peserta untuk tujuan Peraduan ini.

14. **Anti Rasuah**

Peserta akan sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan, peraturan, kod amalan dan piawaian yang terpakai termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("**SPRM**"). Kelayakan peserta untuk Peraduan ini akan dibatalkan sekiranya peserta gagal mematuhi perundangan SPRM, mengikut klausa 6 Terma dan Syarat ini.

Selain itu, Penganjur berhak untuk menolak dan tidak melayan penyertaan yang dikemukakan oleh Peserta yang gagal mematuhi undang-undang pencegahan rasuah untuk peraduan dan/atau acara lain yang dianjurkan oleh Penganjur pada masa hadapan.